



KENYATAAN MEDIA
LAWATAN KERJA YB TIMBALAN MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
MAKANAN 2 KE LADANG SINERGI ZIA, TASIK TEMENGGOR

1. Lawatan ke Ladang Sinergi Zon Industri Akuakultur (ZIA), Tasik Temenggor merupakan lawatan kerja Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 2 iaitu YB Dato' Haji Abdullah bin Mat Nawi.
2. Ladang Sinergi ZIA berkeluasan 100 hektar menjadi pusat projek penternakan ikan Tilapia GST (Genomar Supreme Tilapia). Projek ini diterajui oleh Trapia Malaysia Sdn. Bhd. yang beroperasi sejak tahun 2011.
3. Trapia Malaysia merupakan pelabur bagi projek penternakan ikan air tawar di dalam sangkar di ZIA Tasik Temenggor. Melalui konsep Transfers of Technologies (TOT), peserta yang terlibat akan dipilih untuk menjalani latihan dan menjalankan aktiviti penternakan dengan bimbingan syarikat tersebut. Jabatan Perikanan pula sebagai jabatan teknikal berperanan untuk memantau projek ini secara keseluruhannya.
4. Aktiviti penternakan ikan tilapia dalam sangkar ini dijalankan oleh 6 orang peserta yang terpilih. Terdapat 5 modul dimana 3 modul milik Jabatan Perikanan Malaysia, 2 modul pula milik Trapia Malaysia Sdn. Bhd. dan program Ladang Sinergi dijalankan di salah satu modul milik Jabatan Perikanan dengan jumlah 12 unit sangkar.
5. Setiap peserta dibekalkan 2 unit sangkar dan kira-kira 200 tan ikan mampu dihasilkan dengan 2 kali pusingan setahun. Hasil tuaian ini menjana pendapatan dengan hasil jualan iaitu sebanyak RM900 ribu pada kadar jualan RM4.50/kg.
6. Bermula dari tahun 2011 hingga 2019, kira-kira sebanyak 4,168,051 ekor ikan tilapia berjaya dituai. Pencapaian pengeluaran bagi tempoh 9 tahun itu mencatatkan lebih kurang RM 1.966 juta bersamaan 437 tan metrik ikan tilapia.

###

Kenyataan media ini disiarkan oleh :

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia
Wisma Tani, Putrajaya

08 November 2020 (Ahad) jam 12.00 tengah hari

Sebarang pertanyaan sila hubungi :-

No. Tel : 019-381 7402 (Ahmad Faizal)
012-664 9570 (Aqilah)

Email : ukk@dof.gov.my ; pro@dof.gov.my